

Peserta gigh **bergotong-royong** mengutip sampah sarap.



# Khidmat siswa

» 300 peserta gotong-royong bersihkan alam sekitar di Pantai Bagan Lalang



Peserta **berkumpul sebelum** program bermula.

Oleh **Faizatul Farhana Farush Khan**  
ffarhana@bh.com.my

Sebang

**D**emi kasih terhadap keindahan alam sekitar, seramai 300 peserta sanggup berkorban waktu rehat dan berkumpul seawal jam 6.30 pagi hujung minggu, untuk bergotong-royong membersihkan kawasan Pantai Bagan Lalang di sini, baru-baru ini.

Peserta terabit meliputi 73 mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Pendidikan di Universiti Putra Malaysia (UPM) dan penduduk Kampung Bagan Lalang, melaksanakan inisiatif memulihara alam sekitar itu menerusi Program 'In-

dah Di Mata, Tenang Di Hati' (IDTD). Pengarah Program IDTD, Badrul Hisyam Ibrahim, berkata mereka dibahagikan kepada 10 kumpulan yang kemudian bergembeng tenaga mengutip sampah sarap di sepanjang pantai serta kawasan sekitarnya seperti plastik, kertas, botol, penutup tin serta daun kering.

Beliau berkata, IDTD dianjurkan mahasiswa berstatus guru dari sekolah seluruh negara di bawah Program Pensiswazahan Guru (PPG) Bahasa Melayu di Fakulti



“Program ini bagus kerana membolehkan saya secara peribadi lebih memahami kesukaran tugas pekerja perbandaran”

**Manimala Palanisamy,**  
Guru SJKT Kubang, Nilai,  
Negeri Sembilan.

Pendidikan UPM, dengan kerjasama BH.

“Kita mahu mendidik mahasiswa dan masyarakat untuk mengahgari dan sayangkan alam sekitar, terutama kawasan rekreasi, sekali gus berusaha memulihara keindahannya.

### Eratkan ukhuwah

“Selain itu, program sehari ini juga dapat mendekatkan mahasiswa dengan aktiviti khidmat sosial untuk menyumbang bakti kepada masyarakat, selain menerap semangat bekerjasama dengan penduduk kampung.

“Program sebegini secara langsung mengeratkan ukhuwah antara warga UPM dengan masyarakat luar, sekali gus memperkenalkan jenama universiti,” katanya ketika ditemui di Dewan Masyarakat Kampung Bagan Lalang.

Turut hadir ialah Penaung Program IDTD yang juga Pengarah Pusat Kokurikulum dan

Pembangunan Pelajar UPM, Prof Madya Dr Abdul Rashid Jamian; Penghulu Mukim Sebang, Azaazrin Alias; serta Ketua Kampung Bagan Lalang, Zahari Miskam.

Badrul Hisyam berkata, UPM memilih Pantai Bagan Lalang sebagai lokasi program itu berikutan kawasannya yang luas dengan imej sebagai antara lokasi tumpuan pelancong tempatan dan luar negara.

### Sihat tubuh badan

“Selepas tamat acara gotong-rotong pada tengah hari, kita susuli dengan beberapa aktiviti lain untuk merapatkan hubungan peserta dengan pengujung pantai, iaitu slot promosi akhbar sisipan BH dan pertandingan mewarna,” katanya.

Sementara itu, Ketua Eksekutif Program IDTD, Pakhrurrazi Ramelin, berkata penyertaan dalam program itu mendorongnya lebih menghargai alam sekitar, selain dapat menjayakan aktiviti yang menyihatkan tubuh badan.

Seorang lagi peserta bertugas sebagai guru di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Kubang, Nilai, Negeri Sembilan, Manimala Palanisamy, sependapat dengan Pakhrurrazi yang juga guru SK Taman Seri Gombak 2, Selangor.

“Program ini bagus kerana membolehkan saya secara peribadi lebih memahami kesukaran tugas pekerja perbandaran, sekali gus menguatkan lagi semangat saya untuk terus menyayangi dan tidak mengotorkan alam sekitar,” katanya.



Peserta **yang menjayakan** Program IDTD.